

Kunjungan Anwar ke Kelantan perkasa institusi, manusiawi



Rektor Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kelantan

Oleh Prof Dr Mohd Afandi Mat Rani
bhrencana@bh.com.my

Jumaat dan Sabtu lalu, Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim melakukan lawatan rasmi ke Kelantan dan beliau menyertai beberapa majlis penting memabitkan masyarakat setempat, institusi pendidikan serta sektor kesihatan.

Kehadiran beliau di pelbagai majlis menunjukkan komitmen kerajaan memperkukuhkan gagasan Malaysia MADANI serta meningkatkan kesejahteraan rakyat di negeri berkenaan.

Perdana Menteri turut merasmikan Ijtima' MADANI Ulama dan Guru Pondok Kelantan 2025 anjuran bersama Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) dan Universiti Teknologi MARA (UiTM).

Program ini menghimpunkan lebih 1,000 peserta terdiri daripada ulama, guru pondok, pelajar dan masyarakat setempat bagi membincangkan peranan institusi pondok dan pendidikan agama dalam membina masyarakat berilmu, berakhlak dan ber satu padu.

UiTM Cawangan Kelantan bertuah menjadi platform penyatuan *adabul ikhtilaf* atau tatacara berbeza pandangan, khususnya antara golongan agamawan dan profesional. Pendekatan ini selari dengan aspirasi Malaysia MADANI yang menekankan perpaduan, toleransi dan penghormatan terhadap kepelbagaian pandangan.

Sehari sebelumnya, UiTM Cawangan Kelantan menganjurkan acara Kenduri Rakyat (Bekwoh) dan Majlis Kelantan Berselawat yang berjaya menarik sekitar 5,000 hadirin. Ia dijayakan dengan bantuan Yayasan Budi Ehsan yang menyumbang 1,000 kilogram daging, sebahagiannya digunakan untuk jaman program.

Seramai 50 mahasiswa UiTM Cawangan Kelantan turut menjadi sukarelawan bagi memastikan kelancaran majlis, termasuk mengurus pendaftaran peserta, protokol dan logistik. Ini mencerminkan

semangat kesukarelawanan dan komitmen mahasiswa terhadap pembangunan komuniti.

Pada majlis perasmian Ijtima' MADANI ini, Perdana Menteri menegaskan institusi pondok perlu diperkasa semula sebagai benteng akidah dan ilmu, terutama menghadapi pengaruh sekular, kerosakan moral dan cabaran teknologi masa kini.

Ini adalah lanjutan daripada pertemuan Perdana Menteri dengan guru pondok di Pusat Pengajian Pondok Yayasan Islam Kelantan di Bachok bagi memenuhi undangan Sheikh Wazir Al-Makki yang menegaskan institusi pondok mgnjadi benteng akidah dan ilmu sejak zaman penjajahan, kekal penting sebagai rujukan membimbing hala tuju umat.

Melegakan apabila mendengar penegasan Perdana Menteri bahawa dalam semangat Malaysia MADANI, setiap pandangan dan kritikan daripada tokoh berkenaan adalah amanah akan diterjemahkan kepada tindakan.

Pengumuman peruntukan RM2.1 juta untuk membaik pulih pondok daif serta sumbangan RM1.03 juta kepada institusi pondok yang hadir di UiTM Cawangan Kelantan pula adalah bukti sokongan terhadap pengukuhan sistem pendidikan agama.

Lawatan Perdana Menteri ke projek penanaman padi organik di Kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) diusahakan Mohd Yusri Mohamad Nor di Desa Gemalai Baruh Padi Alami, Mulong dengan meninjau sendiri kaedah penanaman serta penerapan teknologi moden menunjukkan keprihatinan dan sokongan beliau ke atas aktiviti pertanian.

Selain itu, Perdana Menteri turut menyertai program Rancakkan MADANI Negeri Kelantan di Dewan Utama Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM), Kubang Kerian dengan menekankan agenda Malaysia MADANI bertujuan merapatkan jurang pembangunan dan meningkatkan kesejahteraan rakyat, termasuk dalam sektor ke-

sihatan dan pendidikan.

Program terakhir Perdana Menteri ialah Majlis Perasmian Penutupan Program MADANI Rakyat 2025 Kelantan yang menghubungkan lebih banyak perkhidmatan kepada rakyat di Stadium Sultan Muhammad Ke-IV, Kota Bharu.

Beliau mengumumkan pelbagai inisiatif meningkatkan kesejahteraan rakyat, termasuk kenaikan gaji penjawat awam dijangka menelan kos RM18 bilion pada tahun depan.

Perdana Menteri turut menekankan pentingnya kerjasama antara kerajaan negeri dan Kerajaan Persekutuan dalam memastikan pembangunan lebih inklusif dan adil kepada rakyat Kelantan.

"Pendapatan rakyat juga bergantung kepada ekonomi negara yang mana negara hanya boleh memacu ekonomi melalui kerajaan stabil, selain memerlukan kerjasama baik antara kerajaan Persekutuan dan negeri," jelas beliau.

Menarik sekali di sepanjang lawatan Perdana Menteri ke Kelantan, Menteri Besar Kelantan, Datuk Mohd Nassuruddin Daud, hadir di sisi dalam semua majlis selain turut menyambut ketibaan dan menghantar kepulauan beliau di lapangan terbang.

Ucapan Menteri Besar juga menekankan kepentingan kerjasama antara kedua-dua pihak dalam memastikan pembangunan seimbang di Kelantan, termasuk memohon kelulusan bagi beberapa projek utama di negeri ini.

Kebersamaan Perdana Menteri dan Menteri Besar menonjolkan semangat kerjasama perlu diteruskan antara kerajaan Persekutuan dan negeri bagi memastikan Kelantan terus maju. Kematangan berpolitik begini perlu berterusan untuk memastikan usaha pembangunan negara berjalan lancar.

Lebih menarik lagi, lawatan ini juga menyerlahkan unsur kemanusiaan Perdana Menteri seperti tular video penghormatan beliau kepada guru pondok, selain kesediaan menziarahi pelawak, Mohamad Amirullah Azmi atau Amir Raja Lawak.



Anwar menandatangani buku pelawat sambil disaksikan Naib Canselor UiTM, Profesor Datuk Ts Dr Shahrin Sahib dan Mohd Afandi pada Sabtu lalu. Yang hadir sama, Menteri Besar Kelantan, Datuk Mohd Nassuruddin Daud dan Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir.